

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** Lisan

**DARIPADA :** Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ]

**TARIKH :** 23 Mei 2016 ( Isnin )

**SOALAN :** Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah pendekatan yang diambil Kementerian untuk memperluaskan tanaman nanas jenis MD2 ke seluruh negara untuk pasaran luar negara serta berapakah jumlah eksport nanas yang direkodkan mengikut negara iaitu China, Jepun dan Korea.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Antara pendekatan yang diambil oleh Kementerian melalui Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) bagi memperluaskan tanaman nanas jenis MD2 ke seluruh negara untuk pasaran luar negara adalah dengan melaksanakan beberapa program iaitu :

- a) Membangunkan sebanyak 20 mini estet melalui Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11) dengan sasaran keluasan tanaman sebanyak 3,000 hektar;
- b) Menyediakan bantuan kepada penanam dalam bentuk Geran Bantuan Penanaman Nanas MD2. Jumlah peruntukan geran tersebut bertambah dari RM5 juta dalam RMKe-10 kepada RM40 juta dalam RMKe-11 dan mensasarkan lebih ramai usahawan nanas MD2 dapat dibantu.

- c) Melaksanakan Projek Penanaman Nanas Untuk Pasaran Premium (Projek RMKe-11) dengan melibatkan keluasan kawasan penanaman sebanyak 330 ekar.
- d) Projek Bersepadu Tanaman Nanas di Rompin, Pahang dengan melibatkan keluasan kawasan penanaman sebanyak 212 ekar.
- e) Projek Perintis Ladang Nanas Komersial di Tanah Abang Mersing, Johor dengan melibatkan keluasan kawasan penanaman sebanyak 200 ekar.
- f) Projek *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) bagi Tanaman Nanas MD2 dengan melibatkan keluasan kawasan penanaman sebanyak 16 ekar.
- g) Projek Penanaman Nanas MD2 (Usahawan Fasa 2) dengan melibatkan keluasan kawasan penanaman sebanyak 114 ekar.

Jumlah eksport nanas segar yang direkodkan mengikut negara iaitu secara khususnya China, Jepun dan Korea bagi tahun 2013 hingga 2015 adalah seperti berikut :

\*Nota : China – Sedang dalam proses menyelesaikan isu protokol eksport

NEGARA	JENIS	TAHUN 2013		TAHUN 2014		TAHUN 2015	
		KUANTITI (TAN)	NILAI (RM)	KUANTITI (TAN)	NILAI (RM)	KUANTITI (TAN)	NILAI (RM)
China	-	-	-	-	-	-	-
Jepun	VARIETI LAIN	-	-	67.831	134,660.89	42.513	136,014.07
	MD2	1.35	17,905.25	45.8225	75,294.79	21,393	68,822.03
Korea	VARIETI LAIN	-	-	-	-	0.0009	93.75
	MD2	-	-	-	-	51.4929	180,184.95